

23/03/2001

Wanita mahu Puteri Umno cari ahli dari luar parti

KUALA LUMPUR, Khamis - Pergerakan Wanita Umno tidak mahu keahlian Puteri Umno diambil daripada ahli pergerakan itu, kata Ketuaanya, Datuk Seri Rafidah Abdul Aziz.

Beliau sebaliknya berkata, Puteri Umno perlu menarik generasi muda di luar parti selaras dengan matlamat penubuhannya untuk menambah keahlian parti.

"Kalau diambil daripada Wanita Umno, ini bermakna akhirnya pergerakan itu terpaksa ditutup dan tidak berlaku penambahan ahli baru dalam Umno," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Exco Wanita Umno di Ibu Pejabat Umno, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai perkembangan penubuhan jawatankuasa penaja unit Puteri Umno. Jawatankuasa Pengurusan parti menugaskan Wanita Umno untuk mengemukakan nama dan jawatankuasa penaja berkenaan.

Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebelum ini berkata, sekurang-kurangnya dua nama dicadangkan untuk mengetuai Jawatankuasa Penaja Puteri Umno.

Abdullah berkata, nama terbabit akan dikemukakan kepada Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi mendapat pandangan serta kelulusan.

Timbalan Perdana Menteri tidak memberitahu nama calon terbabit, tetapi pemerhati berpendapat Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Azalina Othman Said dan ahli exco Pergerakan Wanita, Datin Shuhanie Deraman, sebagai calon paling layak mengetuai Jawatankuasa Penaja Puteri Umno.

Bagaimanapun Rafidah berkata, pergerakan itu sudah berusaha mendapatkan nama bagi calon Ketua Puteri Umno, tetapi sehingga kini tidak ada calon sesuai yang boleh ditampilkan.

"Kita dah cuba dapatkan nama bagi Ketua Puteri Umno tetapi ahli yang sedia ada dalam Wanita Umno di bawah 40 tahun enggan menyertai Puteri, kerana menurut mereka, mereka lebih gembira berada bersama Wanita," katanya.

Beliau berkata, Puteri Umno sepatutnya dianggotai wanita muda yang berada di luar parti tetapi berminat dalam politik, agar dapat menyumbang kepada pembangunan parti dalam jangka panjang.

"Bila keahlian baru bertambah, barulah parti akan menjadi besar dan semakin berkembang, dengan itu Puteri Umno dapat menyumbang dan membantu fungsi Wanita selama ini," katanya.

Sehingga kini, katanya, beberapa negeri termasuk Selangor, Melaka, Pulau Pinang serta Terengganu sudah mengemukakan beberapa nama yang layak dipertimbangkan bagi penubuhan jawatankuasa penaja Puteri Umno pada peringkat negeri.

Bagaimanapun, katanya, calon bagi jawatankuasa penaja Puteri Umno bagi negeri lain akan diputuskan peringkat Pengurusan Umno negeri dan Umno Pusat tidak lama lagi.

Ditanya jika ada di kalangan ahli pergerakan yang berusia bawah 40 tahun berminat menyertai Puteri Umno, Rafidah berkata: "Itu kena tanya tuan punya tubuh badan sama ada nak ke atau tak nak. Kalau dia nak, tak mengapa sebab kita rela kerana dia kena pimpin penajaannya.

"Tapi dia kena cari orang baru dan jangan tarik orang lama. Kalau dia ambil orang lama, nanti kena tutup pula cawangan Wanita yang lama."

(END)

